

MASA:
11.00 PAGI
10 OKTOBER 2011 (ISNIN)
DEKAT MERDEKA WTC, KUALA LUMPUR

PM Ir HAYATI ABDULLAH CATAT SEJARAH TERIMA ANUGERAH AKADEMIK NEGARA 2010

Anugerah Akademik Negara (AAN) merupakan anugerah tahunan yang memberi pengiktirafan kepada ahli akademik Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam atau swasta yang mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang masing-masing, AAN yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sejak 2006 memberi pengiktirafan kepada beberapa kategori seperti Anugerah Tokoh Akademik, Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal, Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Inovasi & Pengkomersialan Produk, Anugerah Seni & Kreativiti dan Anugerah Pengajaran.

berita selanjutnya di muka 3

Lawatan Prof. Richard Larson (MIT)

Prof. Richard Larson daripada Massachusetts Institute of Technology (MIT) telah berada di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor Bahru selama tiga hari mulai 19 hingga 21 September 2011. Di samping menjadi Pengasas dan Pengarah Learning International Networks Consortium (LINC), beliau juga merupakan Pengasas dan Pengarah MIT Center for Engineering Systems Fundamentals. Prof. Richard Larson merupakan seorang yang berpengalaman luas dalam inisiatif e-pembelajaran dan Operational Research (OR) yang diaplikasikan dalam industri perkhidmatan.

Semasa tiga hari di UTM, Prof Richard Larson telah terlibat dengan pelbagai aktiviti akademik bersama staf akademik dan pelajar pascasiswazah. Di antaranya ialah, beliau telah berkesempatan berkongsi pengalaman mengenai pembangunan dan pengurusan MIT OpenCourseWare (OCW) bersama Pengurus Teknologi Maklumat dan ahli Jawatankuasa Open Courseware UTM. Beliau juga telah hadir dalam sesi perbincangan bersama staf akademik UTM mengenai topik terkini berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan e-pembelajaran.





Kejayaan Prof. Madya Ir. Hayati Abdullah memenangi Anugerah Akademik Negara bagi kategori Anugerah Pengajaran untuk tahun 2010 adalah sesuatu yang amat membanggakan seluruh warga UTM. Kemenangan ini adalah merupakan pengiktirafan yang diberikan oleh panel anugerah atas usaha yang beliau lakukan selama ini untuk meningkatkan tahap pendidikan di universiti ini. CTL sebagai pusat yang dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan kualiti pengajaran di universiti ini sememangnya telah lama melaksanakan pelbagai projek dan aktiviti untuk merealisasikan hasrat ini. Pelbagai kursus, bengkel dan seminar ada dianjurkan sepanjang tahun dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada pensyarah mengenai kaedah terkini dalam pengajaran di peringkat universiti. Kini, setiap pensyarah yang baru berkhidmat di universiti ini dikehendaki mengikuti kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) yang telah kita laksanakan sejak beberapa tahun lalu. Polisi P&P yang telah kita gubal untuk menjadi panduan pelaksanaan proses P&P adalah antara yang paling lengkap dan kerap dijadikan rujukan oleh IPTA lain. Setiap tahun kita memberikan pengiktirafan kepada pensyarah yang menunjukkan dedikasi dalam pengajaran mereka melalui anugerah pengajaran universiti. Sesungguhnya kemenangan PM Hayati ini memberikan suntikan semangat kepada pensyarah-pensyarah muda untuk sentiasa memberikan yang terbaik dalam pengajaran mereka. Tahniah kepada PM Hayati dan tahniah juga kepada semua warga UTM yang menunjukkan keperihatinan terhadap kualiti pendidikan di universiti ini.

Sidang Redaksi

Ketua Editor

Prof. Dr. Mohamed Noor bin Hasan (mnoor@utm.my)

Editor

Prof. Dr. Baharuddin bin Aris (bba@utm.my)
Pn. Norah bte Md Noor (norah@utm.my)
Tn. Hj Yahya bin Samian (yahya@fkm.utm.my)
En. Mohd Fazilah bin Abdullah (mfazilah@utm.my)

Pembantu Penerbitan

En. Abd Jalil bin Sairi (aj-sairi@utm.my)
Pn. Norafeza Mohamed Ismail (norafeza@utm.my)

Grafik & Visual

En. Raja Muhammad Fariz bin Raja Rohaizat Shah (rmfariz@utm.my)

Jurufoto

En. Supandi bin Bunangin (supandi@utm.my)

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL)

Bangunan Pusat Siswazah (F54)
81310 UTM Johor Bahru
Tel.: 07-5537857/51
Faks: 07-5537860

Versi elektronik: www.ctl.utm.my/buletin

LATIHAN NON GRADUATE DARI UNIVERSITAS NEGERI YOGYAKARTA

Pada 13 Sept 2011 yang lalu, CTL telah menerima lawatan daripada dua orang Pensyarah Universitas Negeri Yogyakarta untuk satu latihan Overseas Non Graduate Training (ONDT). Projek Latihan ini dibiayai oleh




Indonesia - Managing Higher Education for Relevance and Efficiency (I-MHERE) Program. Dua orang Pensyarah yang terpilih untuk program tersebut adalah Dr. Sunaryo Soenarto dan En. Yosa A. Alzuhdy. CTL telah menjadi antara pusat

yang dimasukkan ke dalam perancangan latihan Pensyarah tersebut kerana salah satu fungsi CTL adalah menyediakan latihan dan program-program sokongan pembelajaran melibatkan pedagogi dan penggunaan teknologi kepada pensyarah untuk menggalakkan kecemerlangan akademik. Antara latihan yang telah dilaksanakan di CTL adalah

- Diskusi tentang e-Learning di UTM
- Observasi fasiliti Centre for Teaching & Learning(CTL): Studio Video, Multimedia Lab, dll
- Mengkaji dan menggunakan sistem e-Learning di UTM (Moodle)
- Mengikuti perkuliahan/latihan e-learning (courseware development)

Lawatan Professor Pelawat, Dr Sheila Trahar (Universiti Bristol,UK) ke CTL

Pada 31 Oktober 2011, CTL telah dilawati oleh seorang Professor Pelawat daripada Universiti Bristol, UK , Dr. Sheila Trahar. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pengajaran dan pembelajaran termasuk penyeliaan pelajar pasca Siswazah tempatan dan antarabangsa.



Buku beliau bertajuk *Developing Cultural Capability in International Higher Education: a Narrative Inquiry and Comparative Perspectives* telah menjadi rujukan penting oleh penyelidik-penyelidik dalam bidang Narrative Enquiry, kajian kualitatif dan budaya pengantara dan etika merentasi budaya. Pengalaman beliau yang luas dalam bidang Pengajian Tinggi menyebabkan beliau selalu dijemput sebagai pensyarah jemputan di beberapa universiti terkemuka seperti Universiti Hong Kong, University of Malta, University of Barcelona dan King Abdul Aziz University, Jeddah.

Kehadiran beliau ke CTL merupakan antara program yang telah dirancang sepanjang dua minggu beliau berada di UTM. Dr. Sheila telah diberikan penerangan secara ringkas mengenai strategi pengajaran dan pembelajaran yang ditekankan di kalangan pelajar UTM. Beliau turut menunjukkan kekaguman dengan langkah UTM dalam usaha menerapkan pendekatan pembelajaran berasaskan OBE di kalangan pensyarah untuk pembelajaran yang lebih efektif.

PM Ir HAYATI ABDULLAH TERIMA ANUGERAH DARIPADA TPM

sambungan dari muka hadapan

Kemenangan Prof. Madya Ir Hayati binti Abdullah daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal bagi Anugerah Pengajaran 2010 – Kelompok Kejuruteraan pada Majlis Anugerah Akademik Negara (AAN) 2009 & 2010 telah membangkitkan rasa bangga kepada seluruh staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau telah mengalahkan calon-calon berwibawa daripada IPT lain walaupun melalui proses tapisan yang ketat oleh Jawatankuasa Induk AAN 2010 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi dan kemudiannya dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi untuk diperakukan. Lebih bermakna lagi majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat



Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 10 Oktober 2011 bertempat di Dewan Merdeka PWTC, Kuala Lumpur.

Kemenangan beliau yang juga merupakan Pengarah, Program Pembangunan Kelayakan Profesional di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah mencatat sejarah UTM sebagai pemenang pertama melalui kategori yang dipertandingkan. Beliau telah memulakan perkhidmatan di UTM sebagai ahli akademik pada 1986 dan merupakan pemenang Anugerah Pengajaran UTM 2005. Sebagai pemenang anugerah ini, beliau menerima hadiah wang tunai sebanyak RM20,000 beserta trofi dan sijil.

LAWATAN PROF. RICHARD LARSON

sambungan dari muka hadapan

Pelajar pasca siswazah juga telah berpeluang untuk berbincang dengan beliau mengenai penyelidikan dan pembangunan e-pembelajaran. Memandangkan Prof. Richard Larson juga aktif dan berpengalaman luas dalam bidang Operational Research (OR) yang diaplikasikan dalam industri perkhidmatan, beliau juga telah meluangkan masa dalam sesi perbincangan bersama staf akademik di Jabatan Matematik, Fakulti Sains.

Pada 20 September 2011, Prof. Richard Larson telah menyampaikan syarahan di UTM Johor Bahru. Syarahan yang disampaikan oleh beliau adalah bertajuk, "The Future of Technology-Enabled Education".



Dalam sidang akhbar selepas syarahan beliau, Prof. Richard Larson sebagai penyelidik utama Blended Learning Open Source Science or Maths Studies (BLOSSOMS) telah memaklumkan kepada pemberita bahawa MIT akan bekerjasama dengan UTM bagi menarik lebih ramai pelajar Malaysia menceburi bidang sains, teknologi, kejuruteraan

dan matematik atau Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM).

Kerjasama tersebut akan membantu kerajaan menjadikan kaedah pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik lebih inovatif dan menarik, sekali gus menarik lebih ramai pelajar Malaysia meminatinya

(http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0921&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kampus&pg=ka_04.htm).

Berita mengenai kerjasama MIT dan UTM dalam usaha mempertingkatkan pendidikan sains dan matematik telah juga disebar melalui laman web MIT

(<http://web.mit.edu/newsoffice/2011/blossoms-utm-math-education.html>).

MESYUARAT MEIPTA KE-13

Prof. Dr. Mohamed Noor Hasan telah menghadiri Persidangan Meja Bulat ketua-ketua Penyelaras IPTA (MEIPTA) kali ke 13 yang telah diadakan di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor pada 1 November 2011. Dalam mesyuarat kali



ini, setiap IPTA telah membentangkan strategi pembangunan kandungan e-pembelajaran yang telah dilaksanakan di universiti masing-masing.

Berdasarkan pembentangan tersebut, mesyuarat melihat kepentingan penubuhan unit khas untuk membantu pensyarah dalam pembangunan e-kandungan. Ini kerana, setiap IPTA mempunyai strategi yang berbeza dalam membangunkan e-kandungan. Mesyuarat sebulat suara bersetuju bahawa perbincangan perlu diadakan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi mewujudkan jawatan yang berkaitan dengan pembangunan e-kandungan, misalnya instructional designer, di peringkat universiti.

Mesyuarat MEIPTA kali ini juga telah bersetuju untuk mengadakan satu bengkel khas bagi mendapatkan formula kesetaraan antara e-kandungan dengan hasil penerbitan. Ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada bahan e-pembelajaran yang disediakan oleh pensyarah agar setara dengan hasil penulisan ilmiah yang lain.

Selain itu, mesyuarat telah bersetuju untuk meneruskan penerbitan buku Web 2.0@IPTA yang mana setiap IPTA akan menyumbangkan artikel mengenai pelaksanaan teknologi Web 2.0 dan memberikan contoh kajian kes bagaimana ia digunakan untuk memudahkan dan menyokong e-pembelajaran di universiti masing-masing.

Laporan ePPP

Apa komen pelajar anda?



Oleh
Tuan. Hj Yahya Bin Samian
Timbalan Pengarah II CTL

ePPP adalah suatu sistem Penilaian terhadap keberkesanan Pengajaran Pensyarah yang dibuat oleh pelajar secara dalam talian (on-line).

Keputusan penilaian beserta dengan komen-komen pelajar akan dimaklumkan kepada pensyarah masing-masing bagi tujuan muhasabah diri dan menjadi panduan kepada usaha-usaha penambahbaikan kaedah P&P. Di peringkat universiti, CTL telah diamanahkan untuk membuat analisis pencapaian ePPP secara menyeluruh dan memaklumkan kepada pihak universiti untuk merangka tindakan susulan yang dirasakan perlu. Laporan ePPP bagi sem I dan II 2010/11 telah dibentangkan dalam JKTS pada 10 Nov 2011. Laporan ini merangkumi statistik umum penilaian dan pencapaian setiap fakulti, hasil kajian terperinci bagi 5% tertinggi dan 5% terendah dan cadangan usaha penambahbaikan.

Antara analisis yang telah dibuat ialah kajian mengenai komen pelajar terhadap pensyarah yang tergolong dalam kategori 5 % tertinggi dan 5 % terendah. Sebahagian dari hasil kajian tersebut dipaparkan dalam artikel ini untuk dikongsi bersama. Semua komen pelajar (lebih 1300 komen) telah dikumpul dan dibahagikan mengikut kategori (ciri penilaian) berikut; A : Pengajaran, B: Penyampaian, C : Penilaian, D : Hubungan dengan Pelajar, M : Motivasi, U : komen umum dan X : komen bertentangan.

Contoh komen ditunjukkan dalam Jadual 1a dan 1b. Komen bagi setiap kategori tersebut kemudiannya dijumlahkan bagi mendapatkan peratusannya.

Jadual 1a : Contoh Komen pelajar kepada Pensyarah 5% tertinggi

KOMEN PELAJAR	KAT
mastery over content knowledge, strive to ensure every information pass to all student.	A
seorang pensyarah yang sangat baik.. selalu menceritakan isu2 semasa yang membuatkan kami faham tentang subjek yang dipelajari.	A
pelajar di dedahkan dengan pengalaman luar seperti melawat tapak dapat melihat reality sebenar tentang architecture...	B
the good lecturer which always giving chances to present and let me learning especially for my communication skill.	B
Wrap up after end of each class.. Enhance understanding after long hour of lecture. Learned a lot from mini project- applying the concept	B
lect yg plg mnpati masa sgt mmhmi kesilapn pelajar dlm mbuat numerical.. bijak membuat soaln.. nota ckup lengkap.. A+++++lecturer..	C
penyarah sangat mengambil berat tentang pelajar. pelajar akan rasa lebih rapat dengannya dan senang untuk berkongsi segala masala	D
Pensyarah yang sentiasa sedia berkongsi ilmu dan pengalaman yang ada. Bersikap terbuka, mesra, mengambil berat kemajuan pelajar.	D
sentiasa memberi idea dan motivasi yang bernas serta mudah diterima	M
penyarah yg baik dan membuatkan subjek yg susah menjadi mudah. menurut falsafah jepun, guru yg baik akan melahirkan pelajar yg baik	M
im enjoying in your class :)	U
THANK YOU, DR.	U
segalanya ok	U

Nota: Komen di atas adalah komen sebenar pelajar yang diambil terus dari ePPP tanpa sebarang suntingan kecuali identiti pensyarah.

Jadual 1b : Contoh Komen pelajar kepada Pensyarah 5% terendah

KOMEN PELAJAR	KAT
Skop pengajaran yang diajar terlalu besar. Tidak mengikut silibus pengajaran.	A
saya belajar untuk dapat ilmu, bukan untuk drop subjek..	A
a subject = huge project, too high demand, lead to lack of time spent on other subjects. 3 credits subject, BUT we spent more than 3 hours per week in it.	A
cara penyampaian dan pengajaran yang sangat membosankan, pelajar langsung tidak memahami dan tidak tahu apa yang diajar. kami terumbang-ambing.	B
tidak pernah faham apa yang diajar oleh encik XXX didalam kelas.. selama berbulan-bulan kelas tidak faham apa-apa langsung, kami terumbang-ambing.	B
slide show mengarut, ajar seperti pelajar master.. pelajar tidak sempat ambil nota kerana terlampau laju dan banyak...	B
Problem-solving and Critical Thinking Skills (Thinking critically, logically and creatively) we have a lot cause we got to THINK EVERYTHING BY OURSELVE	B
memberi assignment di akhir semester dah mengganggu study week pelajar	C
penyarah tidak banyak membantu pelajar, pensyarah perlulah adil kepada semua pelajar tanpa memilih kasih...	C
Weird lecturer, new chapter can teach on noon and then out in test in same day. All students get bad result in test because no time to prepare it.	C
I still feel racist although u say u treat everyone equal..	D
ajaran berlagak sangat dengan jawatan pensyarah betolak ansur sikit dengan pelajar.. salah sikit pon nak berkira	D

Nota: Komen di atas adalah komen sebenar pelajar yang diambil terus dari ePPP tanpa sebarang suntingan kecuali identiti pensyarah.

Hasil analisis dipaparkan dalam Jadual 2. Beberapa penemuan menarik dapat dirumuskan seperti berikut; 70 peratus daripada komen terhadap pensyarah yang baik dan begitu juga sebaliknya adalah berkaitan dengan kaedah penyampaian P&P, disusuli dengan hubungan baik pensyarah dengan pelajarannya.

Jadual 2 : Hasil kajian terhadap komen pelajar

5 % TERTINGGI								
KATEGORI KOMEN	A	B	C	D	M	U	X	JUMLAH
BILANGAN SEMUA KOMEN	12	225	3	48	29	376	41	734
PERATUS	1.6	30.7	0.4	6.5	4.0	51.2	5.6	100
BILANGAN KOMEN YANG BERKAITAN	12	225	3	48	29			317
PERATUS	3.8	71.0	0.9	15.1	9.1			100

5 % TERENDAH								
KATEGORI KOMEN	A	B	C	D	X	U		JUMLAH
BILANGAN SEMUA KOMEN	44	298	15	56	60	153		626
PERATUS	7.0	47.6	2.4	8.9	9.6	24.4		100
BILANGAN KOMEN YANG BERKAITAN	44	298	15	56				413
PERATUS	10.7	72.2	3.6	13.6				100

Ini bermakna untuk menjadi seorang pensyarah yang baik dan berkesan serta disanjung oleh pelajar-pelajarnya, seseorang pensyarah itu perlulah menguasai kaedah-kaedah penyampaian yang betul dan sesuai dengan kehendak pelajar, serta mempunyai hubungan baik (mesra, bertolak ansur, memahami masalah) dengan pelajar-pelajarnya. Kelemahan dalam kedua-dua aspek ini juga boleh menyebabkan seseorang pensyarah itu dilabelkan sebagai pensyarah yang lemah dan kurang berkesan oleh pelajar mereka. Maka usaha-usaha meningkatkan kebolehan pensyarah mengendalikan kelas dan menyampaikan kuliah perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Sama-samalah kita mengambil iktibar dari penemuan ini.

MESYUARAT KERJASAMA KETUA-KETUA PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN IPTA MALAYSIA (MAGNETIC) KALI KE-15

Pada 15 hingga 16 Oktober 2011, Mesyuarat Kerjasama Ketua-Ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran IPTA Malaysia (MAGNETIC) Kali ke 15 (Bil. 4/2011) telah diadakan di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah. Mesyuarat kali ini telah dihadiri oleh 27 orang ahli daripada IPTA seluruh Malaysia (kecuali Universiti Malaya dan Universiti Malaysia Perlis) termasuk daripada Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) dan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT).

Antara rumusan, perkara dan makluman semasa mesyuarat

- 1) Mesyuarat merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada pemenang-pemenang Anugerah Akademik Negara (AAN) pada majlis yang diadakan pada 10 Oktober 2011.
- 2) Pelantikan Prof. Madya Dr. Gabriel Tonga Noweg daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) selaku Timbalan Pengerusi MAGNETIC dan seterusnya akan mengambilalih tugas sebagai Sekretariat daripada UTM mulai Januari 2013 hingga Disember 2014.
- 3) KPT sedang melaksanakan pelbagai agenda Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang kini memasuki Fasa 2 dan Critical Agenda Projects (CAPs) yang terlibat bagi kebanyakan ahli mesyuarat ialah CAPs - Leadership dan CAPs - Teaching and Learning
- 4) Terdapat dua latihan kepimpinan yang dijalankan oleh pihak AKEPT iaitu kepimpinan untuk staf akademik dan staf bukan akademik.
- 5) CAPs Leadership (Kepimpinan) menetapkan sasaran sebanyak 20 peratus staf akademik di peringkat Jabatan boleh menjadi pemimpin dan seterusnya menjadi rujukan.
- 6) Semua IPTA diminta memperteguhkan elemen inovasi dan daya keusahawanan di kalangan para graduan dan juga Pensyarah.
- 7) Aspek soft skill graduan Kelas Pertama yang dihasilkan oleh IPTA didapati tidak memuaskan. Oleh yang demikian, pelaksanaan OBE secara menyeluruh perlu dipertingkatkan dan program-program penerapan SCL dalam Pembelajaran dan Pengajaran perlu diperkukuhkan.
- 8) Modul Kursus Asas Pembelajaran dan Pengajaran (KAPP) di IPT sedang melalui proses pemurniaan. Ia kemudiannya akan dihantar kepada pihak UiTM untuk dialih bahasa kepada versi Bahasa Inggeris.
- 9) UPM akan menganjurkan Conference on Academic Development In Higher Education pada 3 – 5 November 2011.
- 10) UTeM akan turut mengadakan 1st National Conference on Active Learning pada 10 hingga 11 Disember 2011.
- 11) Kongres Pengajaran & Pembelajaran UKM 2011 akan diadakan pada 18 hingga 20 Disember 2011.
- 12) JPT bersetuju meluluskan peruntukan kewangan bagi program lawatan ahli MAGNETIC keluar negara tetapi hanya ke Indonesia sahaja. JPT akan mengeluarkan surat kelulusan mengenai lawatan ini dalam masa terdekat.
- 13) Mengikut perancangan pada 2012, JPT akan mengadakan pula Roadshow SCL on Assessment setelah melaksanakan Roadshow Pengukuhan Kaedah SCL 9 (mengikut zon) sepanjang 2011.
- 14) JPT memaklumkan bahawa pihaknya tidak dapat membantu dengan meluluskan peruntukan bagi cadangan pendokumentasian Amalan Terbaik Pembelajaran dan Pengajaran seperti yang dicadangkan melalui mesyuarat ini. Walau bagaimanapun projek pendokumentasikan modul ini tetap diteruskan dan tarikh akhir penghantaran bahan masing-masing kepada Sekretariat telah ditetapkan pada 30 November 2011.
- 15) MAGNETIC akan membantu JPT dalam proses penilaian program-program baru yang dihantar ke JPT untuk kelulusan mulai Januari 2012.
- 16) JPT memaklumkan bahawa Modul Pembudayaan Keusahawanan telah digubal pada tahun 2007 dan kini dalam proses semakan semula serta pemurnian. Pada awal pelaksanaan, hanya 2 jam kredit ditetapkan pada 2007 & 2008 di semua IPTA dan akan akan dijadikan 3 jam kredit pada sesi 2012/2013.
- 17) Mesyuarat bersetuju supaya Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menjadi tuan rumah mesyuarat kali ke 16 Bil. 5/2011 yang dijadualkan pada penghujung Disember 2011.
- 18) JPT memohon MAGNETIC untuk menghantar maklumat berkaitan program yang akan dijalankan (sekiranya ada) sebelum akhir bulan November 2011 supaya JPT dapat memberi sedikit bantuan peruntukan kewangan untuk pelaksanaan program pada 2012
- 19) Bahan sesi pembentangan berikut pada mesyuarat kali ini boleh diakses melalui <http://ctl.utm.my/magnetic>
 - Pembentangan daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS)
 - Pembentangan daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
 - Pembentangan daripada Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)



KURSUS DAN BENGKEL ANJURAN PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (CTL) BULAN OKTOBER – DISEMBER 2011

BIL.	KURSUS	TARIKH	TEMPAT	BIL. PESERTA
1	KURSUS ASAS E-LEARNING UNTUK STAF BUKAN AKADEMIK	4 OKTOBER 2011	MAKMAL KOMPUTER CTL	12 Orang
2	KURSUS OUTCOME BASED LEARNING (OBE) UNTUK STAF BUKAN AKADEMIK UTM	11-12 OKTOBER 2011	RUMAH ALUMNI, UTM	99 Orang
3	KURSUS ASAS PEMBELAJARAN @ UTM	18-19 OKTOBER 2011	MAKMAL KOMPUTER CTL	10 Orang
4	KURSUS ANALISIS KUANTITATIF BAGI PENYELIDIKAN DALAM PEMBANGUNAN	2 NOVEMBER 2011	MAKMAL KOMPUTER CTL	25 Orang
5	KURSUS PETA MINDA BAGI TUJUAN P&P	23-24 NOVEMBER 2011	MAKMAL KOMPUTER CTL	15 Orang
6	KURSUS OUTCOME BASED LEARNING (OBE) UNTUK STAF BUKAN AKADEMIK	29-30 NOVEMBER 2011	RUMAH ALUMNI, UTM	79 Orang
7	BENGKEL PEMURNIAN OPEN COURSEWARE (OCW)	2-4 DISEMBER 2011	HOTEL MAHKOTA, MELAKA	34 Orang
8	KURSUS PEMBANGUNAN PORTFOLIO PENGAJARAN	5-6 DISEMBER 2011	BILIK LATIHAN KORPORAT, CTL	34 Orang
9	KURSUS STRUCTURED CONTROVERSY	15 DISEMBER 2011	BILIK LATIHAN, DSI	30 Orang
10	KURSUS OUTCOME BASED LEARNING (OBE) UNTUK STAF BUKAN AKADEMIK	19-20 DISEMBER 2011	RUMAH ALUMNI, UTM	80 Orang

PERANCANGAN KURSUS/BENGKELBERKAITAN OBE PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (CTL)TAHUN 2012

BIL.	KURSUS	KUMPULAN SASARAN
1	OBE-ASSESSMENT & CQI (UNTUK KESELURUHAN)	Terbuka
2	OBE-ASSESSMENT & CQI (UNTUK FAKULTI-KAMPUS SKUDAI)	Terbuka
3	OBE-ASSESSMENT & CQI (UNTUK FAKULTI-KAMPUS UTM KL)	Terbuka
4	OBE-T&L GOOD PRACTICES	Terbuka
5	OBE-STUDENT CENTERED LEARNING (9AL,CL,PBL,PopBL,DLL)	Terbuka
6	OBE UNTUK STAF PENTADBIRAN (PP & TP)	Terbuka
7	OBE-DEVELOPMENT OF CASE STUDY	Terbuka
8	ROAD SHOW-OBE ON LINE (CRR & PRR)-FAKULTI DI KAMPUS SKUDAI	Terbuka
9	ROAD SHOW-OBE ON LINE (CRR & PRR)-FAKULTI DI KAMPUS UTM KL	Terbuka
10	OBE-CONSTRUCTIVE ALIGNMENT	Terbuka
11	KURSUS SIJIL PENGAJARAN PENGAJIAN TINGGI	Terbuka
12	BENGKEL PEMBANGUNAN PANDUAN PERLAKSANAAN OBE DI UTM	Terbuka
13	BENGKEL OBE-TRAINING THE TRAINER	Terbuka

PERANCANGAN KURSUS/BENGKEL (TEACHING WITH TECNOLOGY) PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (CTL) TAHUN 2012

BIL.	KURSUS	KUMPULAN SASARAN
1	KURSUS ASAS E-PEMBELAJARAN	Terbuka
2	KURSUS E-PEMBELAJARAN@UTM : MENGGUNAKAN KEMUDAHAN FORUM SECARA BERKESAN	Terbuka
3	KURSUS E-PEMBELAJARAN@UTM : MENGGUNAKAN KEMUDAHAN KUIZ SECARA BERKESAN	Terbuka
4	KURSUS LANJUTAN E-PEMBELAJARAN	Terbuka
5	KURSUS ASAS PENERBITAN ANIMASI BAGI TUJUAN P&P	Terbuka
6	KURSUS ASAS REKA BENTUK GRAFIK BAGI TUJUAN P&P	Terbuka
7	KURSUS TEKNOLOGI AUDIO DAN VIDEO DIGITAL BAGI TUJUAN P&P	Terbuka
8	KURSUS PENGGUNAAN PERISIAN SUMBER TERBUKA DALAM P&P	Terbuka
9	KURSUS PENGGUNAAN PERISIAN PETA MINDA BAGI TUJUAN P&P	Terbuka
10	KURSUS TEKNOLOGI WEB 2.0 BAGI TUJUAN P&P	Terbuka
11	KURSUS PEMBANGUNAN BLOG BAGI TUJUAN P&P	Terbuka
12	ANALISIS KUANTITATIF BAGI PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN DAN SAINS SOSIAL	Terbuka
13	KURSUS ASAS E-PEMBELAJARAN UNTUK STAF BUKAN AKADEMIK	Terbuka
14	BENGKEL PEMBANGUNAN BAHAN OCW	Terbuka
15	BENGKEL TOT PENGAJARAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI	Terbuka
16	BENGKEL TOT ADVANCE E-LEARNING	Terbuka



UTM Open Courseware

Prof. Dr. Mohamed Noor Hasan

Universiti Teknologi Malaysia telah lama melaksanakan e-pembelajaran untuk semua kursus yang ditawarkan di universiti ini. Melalui program ini pensyarah dikehendaki memuat naik rangka kursus, nota kuliah dan

soalan-soalan tugas ke sistem e-pembelajaran universiti untuk dicapai dan digunakan oleh pelajar-pelajar yang berdaftar. Seterusnya pensyarah juga digalakkan berinteraksi dengan pelajar melalui kemudahan forum, chat dan sistem messaging yang disediakan. Dari segi penggunaannya, hampir 60% nota kuliah telah dimuatnaik ke sistem sementara sebahagian besar pensyarah didapati menggunakannya secara aktif dengan melibatkan perbincangan melalui forum dan mengadakan kuiz dan ujian secara online. Pada hari ini sistem ini telah digunakan secara meluas oleh pelajar untuk menjadikan pengalaman pembelajaran mereka lebih menarik dan lebih fleksibel selaras dengan dasar e-pembelajaran negara yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Maka, sudah sampai masanya bagi UTM untuk meluaskan penggunaan kemudahan ini kepada pengguna lain selain daripada pelajar UTM.

Mulai 15 Mac 2011, UTM dengan rasminya telah diterima sebagai ahli open courseware consortium (<http://www.ocwconsortium.org>) yang berpusat di Cambridge, Massachusetts. Dengan menjadi ahli kepada konsortium ini, UTM berjanji untuk berkongsi bahan pembelajaran yang ditawarkan di universiti ini kepada pengguna di seluruh dunia, secara percuma. Sebenarnya perkongsian seperti ini telah lama dilaksanakan oleh universiti-universiti ternama seperti MIT, John Hopkins dan University of California yang telah bersedia untuk berkongsi bahan pembelajaran yang digunakan di universiti masing-masing dalam bentuk perisian kursus terbuka (open courseware). Sebagai contoh, MIT telah pun memuat naik 2000 kursus yang ditawarkan di universiti berkenaan untuk diakses oleh sesiapa saja secara percuma (<http://ocw.mit.edu>).

Apakah yang dimasukkan dengan perisian kursus terbuka (OCW) ini? OCW ialah bahan pembelajaran digital bermutu tinggi yang boleh diakses secara percuma oleh sesiapa sahaja melalui internet. Biasanya bahan OCW disusun mengikut kursus dan juga disertakan dengan rancangan pengajaran dan soalan-soalan tugas atau latihan yang berkaitan.

Faedah OCW

Banyak faedah yang dijangka diperolehi melalui penglibatan UTM dalam projek open courseware ini. Pertama sekali UTM boleh berkongsi bahan pembelajaran yang dibangunkan oleh pensyarah-pensyarahnya dengan pengguna di seluruh dunia. Perkongsian ini dilihat sebagai sumbangan UTM ke arah meningkatkan tahap pendidikan di kalangan masyarakat dunia sejagat. Kedua, bahan yang diletakkan secara online dapat dijadikan sebagai contoh untuk pelajar dan ibu bapa bagi menilai kualiti pendidikan yang disediakan di universiti ini. UTM sering dilihat sebagai universiti ternama di tanah air yang menawarkan pelbagai program dalam bidang sains dan kejuruteraan. Melalui bahan pembelajaran digital yang diedarkan secara percuma ini, masyarakat dapat menilai sendiri kekuatan UTM dalam bidang berkenaan. Dengan tak secara langsung ini memberikan kelebihan kepada kita untuk menarik pelajar-pelajar yang terbaik untuk datang melanjutkan pengajian di sini. Ketiga, keahlian dalam konsortium yang turut disertai oleh universiti ternama di seluruh dunia, dapat menaikkan imej UTM di mata dunia dan sudah tentu dapat menyumbang kepada peningkatan dalam ranking universiti.

Menurut kajian penilaian yang telah dijalankan oleh MIT (http://ocw.mit.edu/ans7870/global/05_Prog_Eval_Report_Final.pdf) sebahagian besar daripada pengguna bahan OCW terdiri daripada pendidik (16%), pelajar sendiri (49%) dan pelajar (32%). Di kalangan pelajar, bahan pembelajaran yang dimuat turun telah digunakan untuk menambah pengetahuan mereka di samping

melengkapkan nota yang mereka perolehi daripada pensyarah masing-masing. MIT juga mendapati sebahagian besar pelajar yang memilih untuk melanjutkan pelajaran di universiti tersebut pernah menggunakan bahan OCW atau dengan kata lain bahan OCW menyumbang untuk menarik minat pelajar agar memilih MIT.

Soalan-soalan Lazim

Apabila UTM menyertai projek open courseware ini banyak soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh pensyarah mengenai pelaksanaan projek ini. Antara soalan yang paling kerap ditanyakan ialah, adakah kita memberikan pendidikan secara percuma? Jawabnya tidak. Apa yang kita berikan untuk diakses secara percuma hanyalah nota kuliah dan mungkin termasuk perancangan kursus dan soalan-soalan latihan. Pensyarah tidak perlu menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengguna, tidak perlu berinteraksi dengan mereka dan tidak perlu menanda tugas yang diberikan. Dengan kata lain OCW bukan program jarak jauh yang membolehkan pengumpulan kredit untuk pengurniaan sebarang diploma atau ijazah kepada pengguna. Soalan kedua yang sering ditanyakan ialah mengenai isu harta intelek (IP). Adakah dengan memberikan bahan pembelajaran secara percuma, kita akan kehilangan harta intelek terhadap bahan tersebut? Sebenarnya, hakcipta dan harta intelek pensyarah terhadap bahan pembelajaran masih terpelihara cuma kita memberikan kebebasan kepada pengguna untuk mengolah, mengubahsuai dan mengedar semula bahan tersebut dengan syarat-syarat tertentu. Untuk tujuan ini kita menggunakan lesen creative commons (<http://creativecommons.org>) yang menegaskan: pertama, bahan tersebut tidak boleh digunakan untuk tujuan komersial; kedua, sekiranya dilakukan sebarang pengubahsuaian atau pengolahan nama pengarang asal hendaklah dinyatakan, dan ketiga, sekiranya hendak diedarkan kepada pihak ketiga, ia perlu menggunakan kaedah (lesen) yang sama.

Soalan seterusnya ialah mengenai hubungkait antara program e-pembelajaran dengan OCW. Perlu dijelaskan, sistem e-pembelajaran menghadkan pengguna kepada pelajar yang berdaftar sahaja sementara OCW membenarkan sesiapa sahaja mengakses bahan yang disediakan. Bagaimanapun oleh kerana kedua-dua sistem menggunakan perisian yang sama, pensyarah tidak perlu mempelajari perisian baru untuk membangunkan dan memuatnaik bahan. Perbezaan utama antara keduanya ialah kita menyebarkan bahan untuk pengguna yang lebih luas dan tidak terhad kepada pelajar kita sahaja.

Strategi pelaksanaan

Sebagai ahli kepada konsortium ini, UTM telah berjanji akan memuat naik sekurang-kurangnya sepuluh kursus bagi tahun pertama. Bagaimanapun oleh kerana konsep OCW ini agak baru dan belum pernah dilaksanakan, agak sukar untuk mendapatkan sumbangan secara terus daripada pensyarah. Oleh yang demikian, satu strategi yang telah dilaksanakan untuk mendapatkan bahan kursus ialah dengan menjemput pensyarah yang telah lengkap nota kuliahnya dalam sistem e-pembelajaran untuk menyertai projek ini. Ternyata sebahagian besar daripada pensyarah yang dijemput ini telah pun menyatakan persetujuan untuk menyertai projek OCW. Seterusnya, suatu bengkel pemurnian bahan telah diadakan selama tiga hari di luar kampus. Dalam bengkel ini, peserta berpeluang mengemaskini bahan pembelajaran dan yang lebih penting menyemak hakcipta bagi setiap gambar atau ilustrasi yang terdapat dalam nota kuliah masing-masing. Pihak urusetia turut menyediakan beberapa orang pereka (graphic artists) untuk membantu pensyarah melukis semula, jika perlu, gambarajah yang diragui status hakciptanya. Hasil daripada bengkel ini, lebih dua puluh kursus telah sedia untuk dimuat naik ke laman web OCW universiti dalam masa terdekat. Proses kerja yang sama akan dilaksanakan pada semester akan datang dan melalui strategi ini, adalah dijangkakan kita akan dapat memuat naik kira-kira 100 kursus terbuka setiap tahun. Ini bertujuan untuk memastikan sasaran 500 kursus diterbitkan dalam masa lima tahun akan tercapai. Untuk melihat senarai penuh bahan pembelajaran OCW yang ditawarkan, sila layari laman web OCW utm (<http://ocw.utm.my>). Untuk keterangan lanjut mengenai projek ini, sila hubungi urusetia OCW utm melalui alamat ocw@utm.my.

Selamat Datang

Pihak CTL ingin mengucapkan selamat datang kepada En. Abd. Jalil bin Sairi sebagai Kerani Kanan dan mula bertugas di CTL pada 17 Oktober 2011 bagi menggantikan Tn. Hj. Jamil bin Hamzah yang telah bersara wajib. Beliau mula berkhidmat di UTM dan ditempatkan di Pejabat Pendaftar pada 2 Julai 1991. Semasa di Pejabat Pendaftar, beliau telah ditugaskan menguruskan Bahagian Pembangunan Modal Insan. Pada tahun 1995 pula, beliau telah di tukarkan ke Fakulti Alam Bina dan dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Tadbir Kanan pada tahun 2005. Beliau juga terlibat secara aktif dalam bidang sukan terutamanya badminton dan telah mewakili badminton UTM sejak tahun 1991 lagi. Selain daripada itu, beliau adalah jurulatih badminton UTM mulai tahun 2008 hingga kini. Semoga segala pengalaman dan ilmu yang ada dapat digunakan untuk memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran CTL khususnya.



Hari Keluarga CTL 2011



Hari Keluarga CTL telah diadakan di Gorek Bay Resort, Mersing pada 29-30 Oktober 2011. Program anjuran Badan Kebajikan CTL (Kapella) telah dihadiri oleh staf CTL dan juga staf Myline beserta ahli keluarga masing-masing. Beberapa acara telah diadakan seperti Bowling Pantai, Ikat Kaki Mengundur, Lari Sambil Kepit Bola Dan Musical Chair bagi kategori dewasa. Sementara itu bagi kategori kanak-kanak pula diadakan acara Lari Bawa Bola Pingpong, Isi Air Dalam Botol, Meniup Belon dan Lari Sambil Kepit Bola. Majlis penyampaian hadiah telah diadakan pada majlis makan malam BBQ beserta cabutan bertuah. Semoga dengan adanya majlis seperti ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan staf dan ahli keluarga masing-masing.

